

**LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI  
PEJABAT TANAH DAN JAJAHAN GUA MUSANG  
KELANTAN**

**OLEH :**

**SITI DARLINA BT MUHAMAD DARAWI  
SARJANA MUDA SAINS  
( POLISI AWAM & SEKITARAN )**

**JABATAN PENGAJIAN AM  
FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI  
KOLEJ UNIVERSITI SAINS DAN TEKNOLOGI MALAYSIA  
( KUSTEM )**

**2002**

1100033023

LI 40 FPE 1 2002



1100033023

Laporan akhir latihan industri di Pejabat Tanah dan Jajahan Gua  
Musang Kelantan / Siti Darlina Muhamad Darawi.



**PERPUSTAKAAN**  
**KOLEJ UNIVERSITI SAINS & TEKNOLOGI MALAYSIA**  
**21030 KUALA TERENGGANU**

<b>1100033023</b>		

Lihat sebelah

**HAK MILIK**  
**PERPUSTAKAAN KUSTEM**

Laporan ini adalah suatu laporan akademik yang hanya mengandungi pandangan dan pendapat pelajar yang berasaskan kepada teori dan pengalaman yang dipelajari semasa menjalani latihan Industri semata-mata Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE), KUSTEM tidak terikat dengan isi kandungan laporan tersebut.

**LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI  
PEJABAT TANAH DAN JAJAHAN GUA MUSANG,  
KELANTAN**

**OLEH**

**SITI DARLINA BT MUHAMAD DARAWI**  
**Sarjana Muda Sains**  
**( Polisi Awam dan Sekitaran )**

Laporan Latihan Industri Diserahkan Kepada

Jabatan Pengajian Am  
**Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi**  
Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia  
( KUSTEM )

**2002**

**1100033023**

## BIODATA DIRI

**NAMA** : SITI DARLINA BINTI MUHAMAD DARAWI  
**NO.MATRIK** : UK 4813  
**NO.K/P** : 791001-03-5488  
**TARIKH LAHIR** : 1 OKTOBER 1979  
**FAKULTI** : PENGURUSAN DAN EKONOMI  
**PROGRAM** : S.M.S. POLISI AWAM DAN SEKITARAN  
**ORGANISASI** : PEJABAT TANAH DAN JAJAHAN  
GUA MUSANG, KELANTAN  
**TEMPOH LATIHAN** : 4 MAC HINGGA 23 MEI 2002



## PRAKATA

*Bismillahi Rahmanni Rahim*

*Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*

Alhamdulillah, syukur saya kehadiran Allah Subhanahu Wataala kerana dengan limpah kurnia dan izinNya saya dapat menyiapkan buku laporan Latihan Industri ini dalam jangkamasa yang ditetapkan. Walaupun pelbagai dugaan dan halangan yang melanda namun dengan izinNya saya dapat menyiapkan buku ini dengan berkat doa bonda dan ayahanda serta kesabaran saya dalam menempuhi dugaan ini, akhirnya buku laporan Latihan Industri atau ringkasnya LI ini dengan serba kekurangan.

Sebagaimana yang telah diketahui, LI merupakan satu program pelengkap dan ianya menjadi satu prasyarat bagi setiap mahasiswa bagi Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (KUSTEM) untuk menamatkan pengajian mereka dan penganugerahan ijazah mengikut program masing-masing. LI yang telah ditetapkan oleh pihak KUSTEM ialah selama 12 minggu iaitu bermula pada 4 Mac hingga 23 Mei 2002.

Keseluruhannya, segala yang terkandung dalam buku laporan LI ini ialah segala maklumat mengenai organisasi serta kerja-kerja yang telah dilakukan semasa dalam latihan industri selama 12 minggu berada di tempat latihan industri tersebut.



Secara ringkasnya, laporan Latihan Industri ini merangkumi atau memaparkan secara menyeluruh tentang organisasi Pejabat Tanah dan Jajahan Gua Musang serta aktiviti-aktiviti yang disediakan oleh organisasi ini serta kemahiran kerja yang dipelajari sepanjang tempoh latihan industri tersebut.

Diharapkan dengan adanya buku laporan Latihan Industri ini, hubungan baik antara pihak Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia dengan Pejabat Tanah dan Jajahan Gua Musang akan berkekalan dan ianya menjadi faedah kepada semua pihak untuk dijadikan sebagai salah satu sumber maklumat.

Sekian, terima kasih.

Wassalam.

Disediakan oleh,

-----  
(SITI DARLINA BINTI MUHAMAD DARAWI)

UK 4813

S.M.S. POLISI AWAM DAN SEKITARAN



## PENGHARGAAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

أَلْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَبِهِ نَسْتَعِينُ عَلَى أُمُورِ الدُّنْيَا وَالدِّينِ وَالصَّلَاةِ وَالسَّلَامِ عَلَى أَشْرَفِ

الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ

Segala puji dan syukur kehadiran Allah Subhanahu Wa Ta'ala , selawat serta salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad serta seluruh Sahabat Baginda dan para Tabi'in.

Saya bersyukur kepada Allah S.W.T. di atas kudrat dan keizinanNya yang telah diberikan, dengan itu saya dapat menjalani Latihan Industri serta menyiapkan dan menyediakan laporan Latihan Industri, walaupun terdapat serba kekurangan dan kelemahan.

Dalam kesempatan ini, setinggi ucapan penghargaan dan jutaan terima kasih kepada semua pihak Pengurusan Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia kerana telah memberi peluang kepada saya untuk menjalani Latihan Industri selama 12 minggu untuk merasai suasana alam pekerjaan yang sebenarnya. Selain itu juga, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua kakitangan Pejabat Tanah dan Jajahan Gua Musang terutamanya kepada Ketua Jajahan iaitu Tuan Hj. Shkori bin



Mohamed kerana sudi menerima saya untuk menjalani Latihan Industri di organisasi itu selama 12 minggu.

Tidak lupa juga saya ingin mengucapkan setinggi penghargaan kepada Penyelia Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia iaitu Dr. Asyraf bin Hj. Ab. Rahman kerana telah membimbing dan memberi tunjuk ajar serta cadangan sepanjang Latihan Industri ini dijalankan. Beliau juga sanggup datang ke tempat Latihan Industri saya iaitu Pejabat Tanah dan Jajahan Gua Musang. Walaupun perjalanan dari Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia agak jauh, namun beliau sudi datang bersama ahli keluarganya untuk melihat serta meninjau keadaan di tempat saya menjalani latihan tersebut. Ucapan terima kasih berserta iringan doa di atas segala bimbingan yang dicurahkan.

Terima kasih juga kepada semua pensyarah dan kakitangan Jabatan Pengurusan dan Ekonomi khususnya, terutamanya para pensyarah yang terlibat dalam Latihan Industri serta semua kakitangan yang terlibat.

Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Penyelia Industri saya iaitu En. Mohd Zaki Bin Yusoff selaku Penolong Ketua Jajahan (Pembangunan 3). Beliau banyak membantu saya semasa berada di organisasi tersebut. Tanpa pertolongan dan tunjuk ajar beliau sudah tentu agak sukar untuk saya menjalankan tugas saya dengan sempurna. Semoga Allah memurahkan rezeki dan perlindungan kepada beliau.

Di sini juga, saya ingin rakamkan ucapan terima kasih buat bonda tersayang, Halimah Bt Mamat serta ayahanda Muhamad Darawi Bin Omar. Segala budi serta pengorbanannya tidak akan dilupakan sehinggalah saya berjaya menjejak kaki ke menara gading. Tidak dilupakan juga untuk semua ahli keluarga yang disayangi yang sentiasa memberi dorongan untuk berjaya. Semoga kalian semua berada di bawah lindungan Allah selalu dan mendapat kebahagiaan di dunia dan di akhirat.





Selain itu juga, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Kakitangan Pejabat Tanah dan Jajahan Gua Musang terutamanya staf di bahagian Pentadbiran dan juga Bahagian Tanah terutamanya En. Zuhaimi, En. Zulkarnean, En. Khusairi dan juga En. Azlie yang telah banyak memberi tunjuk ajar kepada saya semasa latihan tersebut. Mereka banyak memberi tunjuk ajar dan juga membimbing dalam melakukan kerja.

Tidak dilupakan juga buat sahabat-sahabat seperjuangan, semoga kalian berjaya terhadap apa yang dicita-citakan selama ini.

Akhir sekali, saya memohon keampunan kehadiran Rabbul Jalil di atas segala kesalahan sepanjang penulisan Latihan Industri. Semoga Latihan Industri ini dapat memberikan suntikan semangat dan juga memberi pengalaman baru kepada saya bagi menempuh alam pekerjaan pada masa akan datang.

والسلام



## ABSTRAK

Pejabat Tanah dan Jajahan Gua Musang merupakan satu badan kerajaan yang mengawalselia pentadbiran di jajahan ini. Dalam laporan ini, ia membincangkan tentang latar belakang organisasi, aktiviti-aktiviti organisasi serta perkhidmatan yang telah disediakan.

Selain dari itu, dalam laporan akhir ini, ia juga turut membincangkan tentang kemahiran-kemahiran yang telah dipelajari oleh pelajar Latihan Industri. Segala masalah-masalah yang telah dikenalpasti serta cadangan penyelesaiannya juga turut dimuatkan dalam laporan ini termasuk cadangan penyelesaiannya.

Keseluruhannya, laporan akhir LI ini memaparkan segala maklumat organisasi, jumlah kakitangan, masalah serta jalan penyelesaiannya. Maklumat ini diperolehi hasil daripada latihan industri yang telah dijalankan selama 12 minggu di Pejabat Tanah dan Jajahan Gua Musang.